

Restoran tak dibenarkan sedia kawasan khas merokok

BH ONLINE | Ahad, 5 Januari 2020 | 12:47pm



Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye pada sidang media di Pusat Khidmat Parlimen Batu Gajah.

BATU GAJAH: Kedai makan atau restoran tidak dibenarkan sama sekali menyediakan ruangan khas merokok kepada pelanggan di premis mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata jika pemilik restoran mahu menyediakan ruang khas merokok ia mestilah di luar lingkungan tiga meter dari premis mereka.

Katanya, tindakan tegas terhadap mana-mana restoran atau premis makanan akan diambil sekiranya mereka masih menyediakan ruang khas merokok alam lingkungan jarak yang tidak dibenarkan kementerian.

"Jika pemilik restoran masih mahu menyediakan ruangan khas di luar kawasan lingkungan tiga meter, ia bukanlah di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan sebaliknya di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Kempen Kesihatan dan Derma Darah di Pusat Khidmat Parlimen Batu Gajah, di sini, hari ini.

Hadir sama Ahli Parlimen Batu Gajah, V Sivakumar.

Mulai 1 Januari lalu, Kementerian Kesihatan menguatkuasakan larangan merokok di semua kedai makan, gerai makanan, medan selera, food truck dan restoran di atas kapal dan kereta api di seluruh negara.

Bagi kawasan larangan merokok di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018 tindakan penguatkuasaan ialah mengenakan kompaun RM250 terhadap mereka yang didapati merokok di tempat larangan merokok dan sekiranya gagal membayar kompaun, boleh didakwa di mahkamah dengan denda maksimum RM10,000 atau dua tahun penjara.